



DR. MAHATHIR Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali meluangkan masa melawat Mohamed Zahir di Hospital Kuala Lumpur, semalam sebelum Allahyarham menghembuskan nafas terakhir.

Dr. Mahathir sempat lawat Mohamed Zahir

Um - 15/10/2004: 4 Perdana

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sempat melawat Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail di Unit Rawatan Rapi dan Koronari (CCU), Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini sebelum Mohamed Zahir menghembuskan nafas terakhir akibat kegagalan buah pinggang pada pukul 4.35 petang ini.

Dr. Mahathir dan isteri meluangkan masa kira-kira setengah jam untuk mengetahui keadaan Mohamed Zahir.

Bagaimanapun, tidak lama selepas kehadiran Dr. Mahathir dan isteri itu, Mohamed Zahir menghembuskan nafas terakhir.

Turut melawat Mohamed Zahir sebelum itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Jenazah Allahyarham Mohamed Za-

hir dibawa ke rumahnya di No. 3, Jalan Tunku, Bukit Tunku pada malam ini dan akan dikebumikan bersebelahan pusara isterinya, Toh Puan Halimatun Sa'adiah Chik di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, Shah Alam, esok.

Isteri Allahyarham meninggal dunia 11 September lalu akibat kegagalan buah pinggang dan diabetes. Allahyarham meninggalkan tujuh anak.